

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN  
[ SELAYANG ]**

**TARIKH : 7 DISEMBER 2021 (SELASA)**

**SOALAN**

**TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [ SELAYANG ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada satu Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) ke dalam integriti dan kebebasan badan kehakiman akan ditubuhkan dan terma-terma rujukannya.

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Pelaksanaan Transformasi Parlimen dan Pentadbiran Kerajaan ini termasuklah mengambil tindakan berdasarkan kepentingan agar kebebasan badan kehakiman, transformasi institusi dan tatakelola kerajaan yang baik dapat diwujudkan bagi memastikan keadaan yang lebih kondusif untuk rakyat dan negara.

Penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) berkaitan integriti dan kebebasan badan kehakiman perlu dikaji dengan teliti berdasarkan keperluan sebelum apa-apa keputusan dasar diambil.

Penubuhan sesuatu Suruhanjaya Siasatan hendaklah dibuat menurut peruntukan di bawah Akta Suruhanjaya Siasatan 1950 [Akta 119]. Seksyen 2 Akta 119 memerlukan seperti yang berikut:

***“Pengeluaran Tauliah***

**2. (1) Yang di-Pertuan Agong boleh, jika didapatinya suai manfaat berbuat demikian, mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih dan memberi kuasa Pesuruhjaya itu untuk menyiasat—**

- (a) kelakuan mana-mana pegawai persekutuan;**
- (b) penjalanan atau pengurusan mana-mana jabatan perkhidmatan awam Malaysia;**
- (c) penjalanan atau pengurusan mana-mana institusi awam yang tidak semata-mata disenggarakan dengan kumpulan wang Negeri; atau**

- (d) apa-apa perkara lain yang siasatannya, pada pendapat Yang di-Pertuan Agong, berfaedah bagi kebajikan awam, iaitu bukan—
- (i) suatu perkara yang melibatkan apa-apa soal yang berhubungan dengan agama Islam atau adat Melayu; atau
  - (ii) berhubung dengan Sabah atau Sarawak, suatu perkara yang dinyatakan dalam butiran 10 Senarai Negeri:

*Dengan syarat bahawa jika mana-mana pegawai persekutuan yang kelakuannya dicadangkan untuk disiasat itu, telah pada masa melakukan kelakuan itu, berkhidmat dalam suatu jabatan perkhidmatan awam sesuatu Negeri, tauliah itu hendaklah dikeluarkan hanya dengan persetujuan Pihak Berkuasa Negeri itu.*

- (2) (Dipotong oleh L.N. 332/1958).
- (3) *Pihak Berkuasa Negeri mana-mana Negeri selain Sabah atau Sarawak boleh, jika didapatinya suai manfaat berbuat demikian, mengeluarkan suatu Tauliah melantik seorang Pesuruhjaya atau lebih dan memberi kuasa kepada Pesuruhjaya itu menyiasat—*
- (a) *kelakuan mana-mana pegawai Negeri;*
  - (b) *penjalanan atau pengurusan mana-mana jabatan perkhidmatan awam Negeri itu;*
  - (c) *penjalanan atau pengurusan mana-mana institusi awam yang disenggarakan semata-mata dengan kumpulan wang Negeri; atau*
  - (d) *apa-apa perkara lain yang siasatan, pada pendapat Pihak Berkuasa Negeri itu, berfaedah bagi kebajikan awam Negeri itu dan yang tidak secara langsung melibatkan kebajikan awam mana-mana Negeri lain:*

Dengan syarat bahawa jika mana-mana pegawai Negeri, yang kelakuannya dicadangkan untuk disiasat itu, telah, pada masa melakukan kelakuan itu berkhidmat dalam suatu jabatan Kerajaan Persekutuan atau jabatan perkhidmatan awam suatu Negeri lain, Tauliah itu hendaklah dikeluarkan hanya dengan persetujuan Yang di-Pertuan Agong atau Pihak Berkuasa Negeri yang lain itu, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(4) Dalam seksyen ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

- (a) “pegawai persekutuan” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik dan diambil bekerja oleh Kerajaan Persekutuan, dan mana-mana pegawai yang syarat pekerjaannya menjadikan dia bertanggungan berkhidmat dengan lebih daripada satu Negeri;
- (b) “pegawai Negeri” ertinya mana-mana pegawai yang dilantik oleh Kerajaan Negeri, selain Kerajaan Negeri Sabah atau Sarawak, yang syarat pekerjaannya tidak menjadikan dia bertanggungan berkhidmat di luar Negeri itu;
- (c) (Dipotong oleh L.N. 332/1958). ”.

Sekian, terima kasih.